

**PERUTUSAN**  
**Y. BHG. DATO' HAJAH ROSNANI BINTI IBARAHIM**  
**KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR MALAYSIA**  
**SEMPENA MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN**  
**&**  
**JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2008**  
**PADA 24 OKTOBER 2008 (JUMAAT)**  
**11.00 PAGI**  
**DEWAN BAIDURI**

---

Assalamualaikum w.b.t dan Selamat Sejahtera,

Yang Berusaha saudara dan saudari Pengacara Majlis

Ir. Lee Heng Keng  
Timbalan Ketua Pengarah Operasi

Pengarah E/MAS

Pengarah Negeri

Pengarah-Pengarah Bahagian

Para Pegawai dan kakitangan Jabatan Alam Sekitar yang saya hormati sekalian.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh warga Jabatan Alam Sekitar yang beragama Islam. Saya berasa gembira kerana pada pagi ini kita dapat bersama-sama berhimpun pada Majlis Perhimpunan Bulanan yang diadakan bersekali dengan sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun 2008.

Adalah menjadi harapan saya agar majlis pada pagi ini akan memberi peluang kepada semua warga JAS untuk merapatkan Silaturrahim antara satu sama lain. Secara tidak langsung, ia dapat mewujudkan semangat kekeluargaan dan mengukuhkan perpaduan sesama kita.

Tuan,puan,

Walaupun semangat kekeluargaan di tempat kerja ini tidak setebal pertalian keluarga sendiri, ia tidak kurang pentingnya dalam menentukan keharmonian sesebuah organisasi dan seterusnya negara. Sebagai sebuah negara yang mempunyai pelbagai bangsa dan kaum, kita seharusnya mengamalkan sikap muafakat dan bekerjasama di antara satu sama lain yang dapat menyumbang kepada pembangunan negara dan seterusnya membawa kepada kebaikan bersama. Bak kata pepatah **'MUAFAKAT MEMBAWA BERKAT'**.

Demikianlah juga seruan Y.A.B Perdana Menteri yang menginginkan setiap rakyat di negara ini mempertingkatkan sikap toleransi di samping bekerja kuat demi kepentingan negara. Majlis perayaan seperti ini merupakan satu wadah dan cara bagi memupuk sikap saling memahami dan bertolak ansur sesama kita. Ia juga memberi kesempatan kepada kita untuk saling bermaaf-maafan dan juga mengukuhkan lagi persahabatan yang sedia terjalin.

Tuan,puan,

Sesungguhnya, Aidilfitri amat beerti kepada kita semua kerana ia merupakan peluang untuk kita mengeratkan lagi Silaturrahim dengan kunjung mengunjungi dan bermaaf-maafan antara satu sama lain. Lupakan sengketa lama dan maaf bermaafan adalah amalan mulia yang dituntut oleh agama. Sabda Rasullullah s.a.w, ***"Hendaklah kamu bersungguh-sungguh pada Aidilfitri ini dengan melakukan sedekah, melakukan segala bentuk kebaikan dan kebajikan seperti solat, berzakat, bertasbih, bertahlil kerana sesungguhnya hari ini adalah hari yang Allah s.w.t mengampunkan dosa-dosa kamu dan Allah s.w.t melihat kamu dengan rahmat"***

Di musim perayaan ini, sememangnya ramai di antara tuan,puan yang akan mengadakan rumah terbuka. Usaha untuk mengadakan rumah terbuka ini sememangnya merupakan niat yang murni. Namun begitu, suka saya menasihatkan supaya tuan,puan dapat mengamalkan perbelanjaan berhemah apabila menganjurkannya. Perkara ini wajar diberi perhatian untuk mengelakkan diri daripada menanggung beban kewangan.

Selain itu, kita perlulah juga mengamalkan cara pemakanan yang sihat dan seimbang semasa musim perayaan dan hari-hari lain. Negara kita merupakan '**syurga makanan**' lebih-lebih lagi di musim perayaan seperti ini. Pengambilan lemak, gula dan garam yang berlebihan boleh memudaratkan kesihatan kita.

Tuan,puan,

Kita sekarang ini hampir berada di penghujung tahun. Sehubungan itu, sukacita untuk saya ingatkan kepada semua warga JAS untuk bekerja lebih bersungguh-sungguh, bagi memastikan sasaran yang digariskan sepanjang tahun 2008 ini tercapai dengan jayanya.

Pejabat merupakan tempat kita bertugas. Kita tidak boleh samakan pejabat dengan rumah kita. Pejabat bukan merupakan tempat kediaman yang boleh digunakan sewenang-wenangnya. Mana-mana staff yang menjadikan pejabat sebagai tempat kediaman perlu berhenti berbuat demikian kerana perbuatan seperti ini melanggar etika perkhidmatan awam. Teguran ini dibuat berdasarkan aduan yang diterima mengenai pegawai yang tidur di pejabat. Perbuatan ini berlaku di Ibu Pejabat JAS. Perbuatan ini bukan sahaja menyalahi peraturan tetapi juga membahayakan diri dan keselamatan orang lain. Diharapkan perbuatan seperti ini tidak berlaku lagi.

Kita juga hendaklah peka kepada keadaan sekeliling. Begitu juga di pejabat. Kita hendaklah sentiasa memastikan keadaan di sekeliling tempat kita bekerja selamat daripada sebarang kejadian yang tidak diingini. Begitu juga dengan amalan ingat-mengingati dan tegur menegur sesama kita perlu disemai dalam diri kita. Kita berhak menegur sekiranya terdapat rakan sekerja yang melakukan kesalahan atau melakukan perbuatan yang menyalahi etika. Sekiranya kita semua bersikap sedemikian, sudah pasti perbuatan negatif seperti ini tidak berlaku di pejabat.

Akhir sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri maaf zahir dan batin. Tidak lupa juga kepada warga JAS yang akan menyambut Hari Deepavali pada 27 Oktober ini, saya ingin mengucapkan selamat Hari Deepavali.

Sekian, terima kasih.

Bahagian Pentadbiran dan Kewangan

**24 Oktober 2008**